

**MODEL PENTADBIRAN WAKAF PENDIDIKAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DI
UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH:






**DR MOHD NASIR BIN AYUB
MOHD ZOOL HILMIE BIN MOHAMED SAWAL
NAZMI @ NAZNI BIN NOORDIN**

FEBRUARI 2020

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
1. Surat Penyerahan Laporan	1
2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan)	2
3. Penghargaan	5
4. Penambahbaikan Tajuk dan Objektif	6
5. Laporan	7
5.1 Cadangan Ringkasan Eksekutif	7
5.2 Penambahbaikan Ringkasan Eksekutif	8
5.3 Pengenalan	9
5.4 Ringkasan Kajian Literatur	11
5.5 Kaedah Penyelidikan	13
5.6 Hasil Dapatan Kajian & Perbincangan	15
5.7 Cadangan dan Kesimpulan	20
5.8 Rujukan	23
6. Hasil Penyelidikan	27
7. Lampiran	28

2. Surat Tawaran Geran Penyelidikan

www.irmi.uitm.edu.my																	
Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi Institute of Research Management & Innovation	Universiti Teknologi MARA Aras 3, Bangunan Wawasan 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA Tel: (+603) 5544 2094 Faks: (+603) 5544 2096 E-mel: irm@uitm.shah.alam.uitm.edu.my																
																	
Surat Kami : 600-IRMI/FRGS 5/3 (066/2017) Tarikh : 25 Ogos 2017																	
<p>Dr. Mohd Nasir Bin Ayub Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA Kedah Kampus Sungai Petani 08400 Merbok, Kedah</p> <p>YBhg. Prof /Tuan/Puan,</p> <p>TAWARAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) FASA 1/2017</p> <table><tr><td>Tajuk Projek</td><td>: Model Pentadbiran Wakaf Pendidikan Sekolah Agama di Malaysia</td></tr><tr><td>No. Fail RMC</td><td>: 600-IRMI/FRGS 5/3 (066/2017)</td></tr><tr><td>Kod Rujukan Penaja (KPT)</td><td>: FRGS/1/2017/SS03/UITM/02/10</td></tr><tr><td>Tempoh</td><td>: 15 Ogos 2017 – 14 Ogos 2019 (24 bulan)</td></tr><tr><td>Peruntukan Diluluskan (KPT)</td><td>: RM 54,000.00</td></tr><tr><td>Peruntukan Diluluskan (termasuk GST)</td><td>: RM 57,240.00</td></tr><tr><td>Ketua Projek</td><td>: Dr. Mohd Nasir Bin Ayub</td></tr><tr><td>Ahli Projek</td><td>: Encik Mohd Zool Hilmie Bin Mohamed Sawai Encik Nazni Bin Noordin</td></tr></table>		Tajuk Projek	: Model Pentadbiran Wakaf Pendidikan Sekolah Agama di Malaysia	No. Fail RMC	: 600-IRMI/FRGS 5/3 (066/2017)	Kod Rujukan Penaja (KPT)	: FRGS/1/2017/SS03/UITM/02/10	Tempoh	: 15 Ogos 2017 – 14 Ogos 2019 (24 bulan)	Peruntukan Diluluskan (KPT)	: RM 54,000.00	Peruntukan Diluluskan (termasuk GST)	: RM 57,240.00	Ketua Projek	: Dr. Mohd Nasir Bin Ayub	Ahli Projek	: Encik Mohd Zool Hilmie Bin Mohamed Sawai Encik Nazni Bin Noordin
Tajuk Projek	: Model Pentadbiran Wakaf Pendidikan Sekolah Agama di Malaysia																
No. Fail RMC	: 600-IRMI/FRGS 5/3 (066/2017)																
Kod Rujukan Penaja (KPT)	: FRGS/1/2017/SS03/UITM/02/10																
Tempoh	: 15 Ogos 2017 – 14 Ogos 2019 (24 bulan)																
Peruntukan Diluluskan (KPT)	: RM 54,000.00																
Peruntukan Diluluskan (termasuk GST)	: RM 57,240.00																
Ketua Projek	: Dr. Mohd Nasir Bin Ayub																
Ahli Projek	: Encik Mohd Zool Hilmie Bin Mohamed Sawai Encik Nazni Bin Noordin																
<p>Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.</p> <p>2. Sukacitanya dimaklumkan YBhg. Profesor/ tuan/ puan telah ditawarkan peruntukan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Tahun 2017 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).</p> <p>3. Untuk makluman YBhg. Profesor/ tuan/ puan, pelaksanaan projek penyelidikan perlu mengikut jadual perancangan dan mencapai hasil penyelidikan seperti yang ditetapkan Garis Panduan FRGS KPT seterusnya mematuhi tatacara kewangan serta peraturan universiti.</p> <p>4. Bersama ini, disertakan tatacara kewangan pengurusan projek penyelidikan untuk perhatian YBhg. Profesor/ tuan/ puan selanjutnya. Bagi pihak Universiti kami mengucapkan tahniah kepada YBhg. Profesor/ tuan/ puan atas kejayaan ini dan seterusnya diharapkan berjaya menyiapkan projek ini dengan cemerlang.</p>																	
<p><i>shu/frgs/rmc</i></p> <p><i>Research with Integrity & Accountability.</i></p>																	
 Pejabat CCRU Tel: (+603) 5544 8289/8254 Faks: (+603) 5544 8280	 Pejabat RMC Tel: (+603) 5544 8072/8070 Faks: (+603) 5544 2096	 Pejabat RIBU Tel: (+603) 5544 2747/2748 Faks: (+603) 5544 2790															

Surat Lanjutan Geran Penyelidikan

www.irmi.uitm.edu.my

Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
Institute of Research Management & Innovation

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2094 Faks: (+603) 5544 2096
E-mel: irmiuitm@salaw.uitm.edu.my



Rujukan kami : 600-IRMI/FRGS 5/3 (066/2017)
Tarikh : 23 Mei 2019

Mohd Nasir Bin Ayub
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (acis)
Kampus Sungai Petani
Kedah

Y.Bhg. Prof/Tuan/Puan,

KELULUSAN PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN KALI PERTAMA

Tajuk Projek : *MODEL PENTADBIRAN WAKAF PENDIDIKAN SEKOLAH AGAMA DI MALAYSIA*

Kod Projek : 600-IRMI/FRGS 5/3 (066/2017)

Ketua Projek Mohd Nasir Bin Ayub

:

Dengan segala hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Unit Pemantauan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah memutuskan pelanjutan tempoh projek penyelidikan kali pertama bagi projek penyelidikan seperti di atas telah **DILULUSKAN**. Berikut adalah butiran kelulusan yang dibenarkan:-

Perkara	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Tempoh
Tempoh Asal	15 Ogos 2017	14 Ogos 2019	25 Bulan
Tempoh Lanjutan	14 Ogos 2019	14 Februari 2020	6 Bulan

3. Y.Bhg. Prof/Tuan/Puan adalah diminta untuk menghasilkan penerbitan berindeks dan mencapai Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dikehendaki oleh pihak UiTM. Pihak Y.Bhg. Prof/Tuan/Puan perlu menamatkan serta menyempurnakan projek penyelidikan dengan menghantar Laporan Akhir Projek pada tempoh lanjutan yang diberikan.

4. Sehubungan dengan kelulusan pelanjutan tempoh penyelidikan ini juga, Pihak RMC berharap Y.Bhg. Prof/Tuan/Puan dapat menggunakan keseluruhan peruntukan projek penyelidikan dengan penuh bijaksana dan mengikut garis panduan serta prosedur kewangan yang telah ditetapkan.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN DENGAN JAYANYA"

Yang benar,



Pejabat CofE : Tel : (+603) 5544 8293/8254
Faks : (+603) 5544 8280



Pejabat RMC : Tel : (+603) 5544 9072/8870
Faks : (+603) 5544 2096



Pejabat RIBU : Tel : (+603) 5544 2740/2748
Faks : (+603) 5544 2790

DR. SHAHRUL YANI BINTI SAID
Ketua Pemantauan Penyelidikan

5.3 Pengenalan

Pentadbiran yang cekap dan efisien terhadap harta wakaf merupakan satu keutamaan dalam menguruskan hal-hal berkaitan wakaf termasuklah wakaf pendidikan. Pentadbiran yang cekap dan efisien dapat memastikan wakaf pendidikan dibangunkan dan dikembangkan untuk menghasilkan manfaat yang berterusan. Perkembangan wakaf pendidikan ini juga semakin menarik selepas era sahabat Rasulullah SAW. Misalnya pada zaman Fatimiyah dibina Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir yang menjadi mercu tanda wakaf pendidikan pada masa kini (Bayard, 1961; Rosnani Hashim, 1990). Pada tahun 750 hingga 1258 Masihi (era pemerintahan Abbasiyyah) telah tertubuhnya sebuah pusat pengajian tinggi yang berasaskan hasil daripada dana wakaf di Baghdad, Iraq yang dikenali Madrasah Nizamiyyat (Mokhtar Ismail, Mohd. Isa Mohd. Deni, Muna Sulaiman & Hairullfazli Muhammad Som, 2015). Pelaksanaan wakaf pendidikan juga mendapat perhatian pemerintah negara Islam lain, misalnya di Turki terdapat 142 buah universiti yang telah dibangunkan dan dibiayai oleh sumber wakaf (Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor Adha Abd Hamid, 2014). Selain itu, terdapat juga universiti lain yang turut terlibat dengan aktiviti wakaf seperti Universiti Cardoba, Sepanyol yang telah ditubuhkan pada tahun 1972 hasil daripada pembiayaan dana wakaf (Ismail Ahmad & Manzur El Hassan Abdul Aziz, 2015). Universiti wakaf lain yang juga boleh dijadikan contoh adalah seperti Universiti al-Muntasiriyyat di Iraq dan Universiti King Abdul Aziz di United Arab Emirates (UAE) yang turut menerima kebaikan hasil daripada dana wakaf (Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman, 2014).

Wakaf pendidikan di Malaysia juga semakin mendapat perhatian. Hal ini terbukti dengan kewujudan institusi pendidikan yang didirikan atas dana wakaf seperti Universiti Kolej Bestari (UCB) di Terengganu, Maktab Mahmud dan Universiti Antarabangsa Albukhary (UAI) di Kedah, selain Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Pondok-pondok Pengajian Agama yang wujud sejak zaman penubuhan institusi pendidikan awal di Tanah Melayu. Wakaf pendidikan di Malaysia juga telah wujud dalam pelbagai bentuk seperti biasiswa, kewangan, bangunan asrama pelajar dan alat-alat pembelajaran seperti meja, buku dan lain-lain (Ahmad Zaki Abdul Latiff, Che Zuina Ismail & Norzaidi Mohd Daud, 2006). Pembiayaan pendidikan melalui instrumen wakaf dapat mengurangkan masalah keciciran dan ketinggalan anak-anak bangsa meneruskan pengajian atas sebab kemiskinan (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Sekolah agama di Malaysia terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), Madrasah and Pondok. Sekolah Agama Rakyat adalah sebuah sekolah yang dibina dan ditadbir oleh rakyat melalui pentadbiran lembaga atau guru. Madrasah pula difokuskan di bandar atau bandar kecil ditawarkan kepada murid yang ingin belajar tanpa ada batas usia. Pondok pula merujuk kepada pusat pembelajaran yang ditubuhkan dirumah kecil atau pondok. Pondok-pondok ini juga berfungsi sebagai penginapan pelajar. Institusi pondok lebih fokus kepada aktiviti-aktiviti kampung dan tidak dikenakan apa-apa syarat kepada pelajar yang memasuki atau belajar pendidikan agama Islam di Pondok (Amerudin Ismail & Jasni Sulong, 2017).